

SOALAN NO: 142

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]
SOALAN :

YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Malaysia mempunyai kelengkapan dan kemudahan perubatan yang mencukupi terutamanya untuk menangani kes-kes denggi yang kian menjadi serius atau kes penyakit berjangkit akibat bencana alam seperti kejadian banjir.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memastikan setiap fasiliti kesihatan mempunyai kelengkapan dan kemudahan perubatan yang mencukupi untuk menangani kes-kes denggi yang kian menjadi serius atau kes penyakit berjangkit akibat bencana alam seperti kejadian banjir. Malah setiap kali terdapat teknologi baru yang dapat membantu, KKM akan berusaha menyediakannya. Sebelum ini diagnosa denggi hanya boleh dibuat di makmal hospital sahaja dan mengambil masa seminggu. Kini,

ujian ‘combo-test’ telah digunakan di klinik kesihatan kerajaan dan diagnosa dibuat dalam masa 15 minit sahaja